

Headline	Awang Had meninggal dunia		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Jul 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Negara	Color	Full Color
Page No	6	ArticleSize	307 cm ²
AdValue	RM 2,669	PR Value	RM 8,008



Awang Had meninggal dunia

KUALA LUMPUR - Tokoh akademik negara, Tan Sri Dr. Awang Had Salleh, 79, (**gambar**) meninggal dunia awal pagi semalam di Hospital Putrajaya setelah mengalami komplikasi paru-paru.

Menurut anaknya Nazman, Allahyarham menghembuskan nafas yang terakhir pada pukul 3.03 pagi ketika dirawat di hospital berkenaan.

Jenazah Awang Had dibawa ke rumah seorang lagi anaknya di Presint 10, Putrajaya sebelum dikebumikan di Presint 20 tengah hari semalam.

Sementara itu, menantu Allahyarham yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, bapa mertuanya telah sakit hampir lapan tahun dan sering keluar masuk hospital sebelum ini.

"Keadaannya semakin serius sejak tiga hari lepas dan terpaksa dimasukkan ke Hospital Putrajaya akibat sukar bernafas, dia juga sudah lama tidak dapat bertutur dan hanya berinteraksi dengan gerak mata dan riak muka," katanya.

Allahyarham meninggalkan seorang bala, Puan Sri Salmah Abu Bakar, 69, serta tujuh orang anak iaitu lima lelaki dan dua perempuan.

Awang Had yang dilahirkan pada 26 Jun 1939 di Balik Pulau, Pu-

lau Pinang, baru sahaja menyambut ulang tahun kelahirannya pada 26 Jun lalu.

Awang Had meninggalkan legasi yang cukup besar dalam bidang pendidikan negara dan ketokohnya dalam sektor itu terserlah apabila pernah dilantik mengemudi lima universiti selain dianugerah gelaran Doktor Kehormat oleh pelbagai organisasi tempatan dan luar negara.

Beliau pernah menjadi Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Malaya (UM) dari 1975 hingga 1978, Pengarah Universiti Teknologi Mara (1978-1980), Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (1980-1984), Naib Canselor pertama Universiti Utara Malaysia (1984-1989) dan Pro-Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 2000.

Awang Had mendapat pendidikan rendah di Alor Setar, Kedah dan pendidikan menengah di Kolej Sultan Abdul Hamid, sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di UM pada 1962.

Pada 1951, beliau memperoleh Sijil Pendidikan daripada Sultan Idris Teachers' Training College (SITC), Tanjong Malim dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Stanford University, California (1969-1972) menerusi Fellowship UM-Asia Foundation dan memperoleh Doktor Falsafah dalam Pendidikan dan Sosiologi.


Sejak 1950-an lagi, Awang Had telah memulakan profesion per-

guruan dengan menjadi guru pelatoh, guru sekolah rendah dan sekolah menengah selain menjadi Pegawai Pendidikan di Maktab Bahasa pada 1964.

Di sektor swasta, Awang Had pernah menjadi Pengerusi Anakku Corporation Bhd., Presiden Kolej Ikram, Pengerusi Fememo Sdn. Bhd. dan Ketua Majlis Pentadbiran Institut Teknologi Kreatif Lim Kok Wing.

Selain itu, Allahyarham pernah menjadi Setiausaha Agung Suruhanjaya Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) Malaysia, Ahli Lembaga Eksekutif UNESCO di Paris, Ketua dan Perunding Akademi Filem Pertama Malaysia, Timbalan Pengerusi Lembaga Amanah Majlis Yayasan Karyawan serta Anggota Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara bagi penggal 2004/2006.

Sepanjang hayatnya, Awang Had turut menulis beberapa buku, artikel dan kertas kerja mengenai pendidikan, bahasa dan kebudayaan.



SALMAH (tiga dari kiri) menyiram air mawar di pusara Awang Had di Presint 20, Putrajaya semalam.